

107 set bubu naga RM12,840 dirampas

BH 24/12/2022 Ms:24

Kuala Kedah: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Zon Maritim Kuala Kedah merampas 107 set bubu kambang atau bubu naga dalam operasi khas yang dilakukan di empat lokasi sepanjang perairan Yan, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak, berkata operasi khas membanteras bubu naga itu dilaksanakan, berikutan terdapat aduan yang diterima Maritim Malaysia.

Beliau berkata, empat lokasi rampasan bubu naga terbabit adalah di sekitar 0.4 batu nautika hingga 0.8 batu nautika merangkumi sekitar Kuala Sedaka sehingga ke perairan Kuala Sala.

"Ketika rondaan dilakukan, anggota bot ronda Maritim



Anggota Maritim Malaysia mengangkat bubu naga dalam operasi khas di empat lokasi sepanjang perairan Yan. (Foto ihsan Maritim Malaysia)

Malaysia menemui pelampung penanda dan pancang yang mencurigakan.

"Ia dipasang pada setiap bubu naga berukuran lebih kurang

10 meter panjang di beberapa lokasi.

"Kesemua bubu naga berkenaan dirampas dan dianggarkan bernilai RM12,840. Ia dibawa ke

Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk tindakan lanjut mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985," katanya dalam kenyataan hari ini.

Noor Azreyanti berkata, Maritim Malaysia melihat penggunaan bubu naga itu perlu dicegah bermula dengan penjualan di darat.

Katanya, tindakan rampasan juga tidak begitu memberi kesan kerana pengguna masih boleh membeli bubu naga lain berikutan harganya didakwa murah di pasaran.

Beliau mengingatkan, nelayan agar mematuhi undang-undang dan tidak melanggar syarat lesen, termasuk melarang penggunaan bubu naga kerana boleh menjejaskan ekosistem marin.